

Utusan Malaysia - Galakkan Belia Sertai Forum Bincang Isu Kepentingan Rakyat

Isnin, Apr 23 2018

Galakkan belia sertai forum bincang isu kepentingan rakyat

KUALA LUMPUR 20 April - Golongan belia disaran supaya melibatkan diri dalam forum seperti Forum Nasional Majlis Perundingan Melayu (MPM)-Kumpulan Utusan yang membincangkan pelbagai isu dan topik hangat membabitkan kepentingan rakyat dan negara.

Pandangan itu disuarakan wakil syarikat Bzbee Consult Sdn. Bhd., Zaim Iskandar (**gambar**), 28, yang turut serta dalam forum tersebut bagi mengetahui lebih lanjut mengenai sebarang isu seperti cukai barang dan perkh-

idmatan (GST) dan kos sara hidup.

Katanya, forum itu menyediakan ruang dan peluang kepada golongan belia berfikir malah memperkasakan pemahaman mereka berkenaan sesetengah isu yang diketengahkan.

"Sebagai orang muda, saya rasa forum ini memberi penjelasan lebih mudah seperti GST dan kos sara hidup menerusi pandangan serta mencari jalan



penyelesaian sesama ahli panel sebab tidak ramai memahaminya.

"Mereka sekadar membuat tanggapan dan berprasangka buruk jadi penglibatan orang muda perlu diperbanyakkan lagi supaya tohmahan mahupun berita palsu mengenai sesuatu isu dapat dibincangkan bersama pakar bagi mendapatkan penjelasan lebih tepat," katanya selepas menghadiri Forum Nasional MPM-Kumpulan

Utusan bersama warga MPM, di sini hari ini.

Dalam pada itu, Zaim berpendapat, isu mengenai kos sara hidup harus ditangani dengan positif tanpa perlu menyalahkan sesiapa.

"Segala-galanya bergantung kepada mentaliti kita, kalau asyik fikirkan soal kos sara hidup tinggi sahaja memang tidak akan selesai, sebagai belia kita perlu mengambil inisiatif sendiri dan meningkatkan kemahiran individu," katanya.